



DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

**POLISI ANTI-RASUAH DAN
ANTI-KORUPSI**

NO. DOKUMEN: DBB/GRMI/POL/001-03

NO. RUJUKAN: 03

TARIKH BERKUAT KUASA : 7 FEBRUARI 2020
TARIKH SEMAKAN SEMULA : 24 OGOS 2023



POLISI ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

1.0 PENGENALAN

1.1 Rasuah dan Korupsi

Rasuah ialah tawaran langsung atau tidak langsung untuk memberi atau menerima suapan atau apa-apa yang bernilai dengan niat mempengaruhi seseorang untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu manfaat perdagangan, seperti mendapatkan urusniaga baru, menyambung urusniaga yang sedia ada atau untuk mendapatkan apa-apa kelebihan yang tidak wajar.

Suapan¹ ertinya:

- (a) Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liaibiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

¹ Rujukan kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 (Akta 1567)

1.2 Objektif Polisi

Duopharma Biotech Berhad ("Duopharma Biotech/Syarikat") beriltizam untuk mencapai standard etika yang tertinggi dalam mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan dan polisi-polisi yang terpakai di setiap negara di mana Syarikat menjalankan perniagaan. Undang-undang yang disebutkan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 (Akta 1567), Seksyen 595 Akta Syarikat Malaysia 2016, Akta Pencegahan Rasuah Singapura (*Prevention of Corruption Act, (Chapter 241) Singapore*), Akta Republik No. 3019 Filipina (*Republic Act No. 3019 of the Philippines*), Akta Amalan Rasuah Negara Asing Amerika Syarikat (*U.S Foreign Corrupt Practices Act*), Akta Rasuah UK 2010 (*U.K Bribery Act*), Komisi Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi Indonesia (KPK) dan undang-undang pencegahan rasuah tempatan yang lain.

Polisi ini bertujuan untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang anti-rasuah di Malaysia dan juga di negara-negara lain di mana Syarikat menjalankan perniagaan.

Polisi ini terpakai kepada Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan (tetap dan sementara) Duopharma Biotech, anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat bersekutunya, tanpa menghiraukan lokasi pekerjaan. Prinsip-prinsip dan larangan-larangan am di dalam Polisi ini terpakai juga kepada pembekal-pembekal, vendor-vendor, ejen-ejen, pengedar-pengedar, konsultan-konsultan dan mana-mana pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Duopharma Biotech, tanpa menghiraukan kewarganegaraan mereka atau tempat di mana mereka menjalankan perniagaan.

Pengerusi, Ketua Pengarah Urusan dan Kakitangan yang menyelia kakitangan bawahan bertanggungjawab untuk memastikan mereka peka dan memantau risiko-risiko bawaan dalam penjalanan tugas dan fungsi kumpulan kerja mereka. Mereka menjadi contoh amalan kerja yang baik dan memupuk kesedaran tentang Polisi ini dan proses-proses yang berkaitan.

Kegagalan untuk mematuhi undang-undang anti-rasuah boleh membawa kepada penalti jenayah dan sivil untuk Duopharma Biotech dan juga Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dengan pengenalan Seksyen 17A Peruntukan Liabiliti Korporat, gangguan kepada perniagaan yang ketara, dan boleh mendatangkan mudarat terhadap reputasi Duopharma Biotech.

1.3 Garis Panduan Polisi

- Sebagai panduan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan tidak boleh memberi atau/dan menerima rasuah dan tidak boleh menggunakan orang tengah seperti ejen, konsultan, penasihat, pengedar atau lain-lain rakan perniagaan untuk melakukan rasuah.
- Berhubung dengan rasuah, Syarikat tidak membezakan di antara pegawai-pegawai awam dan orang-orang persendirian: rasuah tidak diterima, tanpa menghiraukan status penerima atau pemberi.

1.3 Garis Panduan Polisi (*Bersambung*)

- Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan perlu menanyakan kepada diri sendiri sebelum menawarkan atau memberikan wang atau apa-apa lain yang bernilai kepada mana-mana orang jika apa yang dia pertimbangkan itu boleh dilihat sebagai mempunyai tujuan yang tidak sah. Jika jawapannya ya, tindakan tersebut tidak patut diteruskan. Jika terdapat keraguan, mereka perlu merujuk kepada Ketua Pegawai Perundangan dan/atau Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan sebelum meneruskan tindakan.

2.0 TANGGUNGJAWAB KAKITANGAN

2.1 Bertindak Jujur dan dengan Integriti di dalam Setiap Urusniaga

Semua bentuk rasuah adalah dilarang. Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech tidak boleh memberi, menawar atau menerima rasuah, sogokan, bayaran-bayaran korup, bayaran pemudahan, atau hadiah-hadiah yang tidak wajar kepada atau daripada Pegawai-Pegawai Kerajaan atau mana-mana entiti atau individu, tanpa menghiraukan amalan atau adat istiadat tempatan.

Larangan ini terpakai terhadap setiap pengarah, pegawai, kakitangan, kontraktor-kontraktor, konsultan-konsultan dan sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak Syarikat dalam berurusan dengan orang yang memohon pekerjaan, klien-klien (prospektif atau sedia ada), pembekal-pembekal, rakan-rakan niaga dan sesiapa sahaja yang mereka bertemu dalam menjalankan pekerjaan/perkhidmatan.

2.2 Memahami Polisi dan Membuat Penilaian Tentang Risiko Korupsi

Setiap Pengarah, Pegawai dan Kakitangan mesti memahami Polisi ini dan membuat penilaian tentang impak Polisi ini terhadap tanggungjawab mereka. Dalam melakukan sedemikian, mereka harus:

- Membuat penilaian tentang risiko korupsi yang boleh membawa kesan terhadap bidang tugas dan tanggungjawab mereka;
- Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelak risiko tersebut; dan
- Menangani korupsi atau isu tidak beretika tersebut dengan cara yang wajar, sekiranya ia timbul.

2.3 Bertindakbalas Terhadap Risiko Korupsi yang Dikenalpasti

Risiko korupsi perlu dinilai secara berterusan di dalam setiap bidang perniagaan dengan cara pelaporan risiko yang wajar, menetapkan plan mitigasi risiko dan juga kawalan dalaman. Plan pemantauan hendaklah ditetapkan dan diberi keutamaan berdasarkan penarafan risiko.

2.4 Memberitahu Tentang Apa-Apa Pelanggaran Polisi

Mana-mana Pengarah, Pegawai dan/atau Kakitangan yang mengetahui tentang pelanggaran undang-undang terpakai atau Polisi ini perlu melaporkan sebarang kecurigaan mereka dengan kadar segera menurut **Polisi Pemberian Maklumat**. Sesiapa sahaja yang membuat laporan tentang pelanggaran undang-undang terpakai atau Polisi ini akan dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan balas.

Kakitangan, penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus harus melaporkan pelanggaran undang-undang pencegahan rasuah dan Polisi ini jika disyaki dengan serta merta kepada Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan atau melalui apa-apa saluran wajar yang lain, dan boleh melaporkannya tanpa menyatakan nama.

3.0 BIDANG TUMPUAN

3.1 Hadiah, Hospitaliti dan Keraian

Duopharma Biotech mengakui bahawa, adalah perkara biasa untuk kakitangannya, pelanggan-pelanggannya, pembekal-pembekalnya dan lain-lain rakan niaganya untuk bertukar-tukar hadiah pada waktu-waktu tertentu, yang kebiasaannya bersifat promosi. Hadiah boleh ditakrifkan sebagai apa-apa jenis faedah yang diberikan kepada seseorang sebagai tanda penghargaan atau dalam situasi yang berkaitan dengan budaya, tanpa mengharap apa-apa balasan. Hadiah-hadiah yang diterima atau diberi adalah “hadiah” apabila tiada apa-apa ikatan terhadap pemberi atau penerima. Dalam ertikata lain, tidak wujud sebarang timbal balik. Wang tunai dan hadiah yang mempunyai nilai wang (contohnya baucar membeli-belah) adalah dilarang.

“Hospitaliti” ialah sambutan dan layanan baik yang diberikan kepada tetamu. Ia termasuk hidangan makanan, minuman, kemudahan perjalanan, penginapan, acara atau aktiviti (contohnya, acara atau aktiviti sukan, sosial, industry, seni, hiburan atau lain-lain). Hospitaliti yang diberikan haruslah bersifat sederhana, dan tidak akan menimbulkan percanggahan kepentingan.

Keraian dalam menjalankan perniagaan memainkan peranan penting untuk mengukuhkan hubungan kerja di antara rakan-rakan niaga. Selaras dengan itu, seseorang Pengarah, Pegawai dan/atau Kakitangan Duopharma Biotech boleh menerima atau memberi keraian yang ditawarkan untuk tujuan perniagaan yang sah, seperti membina nama baik perniagaan dan mempertingkatkan hubungan dengan pelanggan-pelanggan atau pembekal-pembekal. Khususnya, menerima atau memberi keraian hanya dibenarkan jika keraian tersebut berlaku hanya sekali-sekala, secara munasabahnyanya berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah, dan bukan diberikan sebagai dorongan atau sogokan untuk mendapatkan atau mengekalkan urusan niaga.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada Polisi Hadiah & Hospitaliti

3.2 Sumbangan dan Derma

Sumbangan dan derma merupakan manfaat yang diberikan oleh Syarikat dalam bentuk wang tunai atau sumbangan bukan wang (contohnya pembekalan produk Syarikat secara percuma atau pada harga diskaun).

Sumbangan dan derma hanya boleh diberi jika Syarikat tidak menerima, dan tidak diamati sebagai menerima, apa-apa pembalasan yang nyata. Contohnya, pemberian wang atau derma tidak harus diberi untuk mendapatkan kelulusan pemasaran atau apa-apa kelulusan lain, atau untuk meningkatkan jualan Syarikat secara langsung sebagai balasan (contohnya meminta penerima pemberian wang tersebut atau mana-mana orang lain untuk memesan atau melanggan produk Syarikat).

Permohonan untuk sumbangan atau derma hendaklah ditangani dengan berhati-hati, khususnya, permohonan-permohonan yang diterima daripada individu-individu yang boleh memberi kesan kepada jualan Syarikat atau akan mendapat manfaat peribadi, jika permohonan tersebut diluluskan.

Polisi Duopharma Biotech adalah untuk tidak membuat apa-apa sumbangan kepada calon ahli politik atau parti politik.

Untuk derma, had kuasa kelulusan digariskan di dalam dokumen Had Kuasa.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada Polisi Sumbangan Politik dan Polisi Sumbangan Amal.

3.3 Bayaran Pemudahan

Bayaran pemudahan ialah bayaran-bayaran yang dibuat dengan tujuan mempercepatkan atau memudahkan seorang pegawai awam melaksanakan suatu tindakan kerajaan yang rutin, dan bukan untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan urusanniaga atau apa-apa lain kelebihan yang tidak wajar. Bayaran-bayaran ini khusus untuk mempengaruhi pengaturan masa tindakan-tindakan pegawai awam (contohnya pendaftaran urusanniaga hartanah, perlindungan polis, pemprosesan bayaran visa untuk mempercepatkan pengeluaran visa atau pelepasan kastam untuk barangan), tetapi bukan hasilnya.

Syarikat melarang bayaran pemudahan yang boleh melanggar undang-undang anti-rasuah/korupsi.

3.4 Berurusan dengan Pihak Ketiga

Pihak Ketiga ialah mana-mana orang, termasuk sebuah entiti sah, yang berinteraksi dengan Syarikat, dan bukan anak syarikat atau syarikat sekutu.

Syarikat hanya boleh berurusan dengan Pihak Ketiga jika terdapat keperluan yang sah untuk perkhidmatan atau barangan yang disediakan oleh mereka.

3.4 Berurusan dengan Pihak Ketiga (*Bersambung*)

sekiranya perkhidmatan atau barangan mereka mempunyai harga yang munasabah mengikut harga pasaran; jika terdapat kontrak bertulis; dan jika penerimaan perkhidmatan atau barangan tersebut didokumentasikan.

Pelantikan seorang ejen untuk memudahkan bayaran rasuah atau yang serupa dengannya bagi pihak Syarikat adalah dilarang, kerana ini akan mendatangkan liabiliti ke atas pihak Syarikat akibat tindakan ejen tersebut. Pengarah, Pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech bertanggungjawab untuk memilih Rakan Niaga yang akan bertindak bagi pihak Duopharma Biotech dengan berhati-hati. Setiap Rakan Niaga mesti mematuhi segala undang-undang anti-rasuah yang terpakai dan Polisi ini.

3.5 Pengambilan Kakitangan

Sebarang pengambilan kakitangan perlu melalui proses dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Syarikat untuk memastikan tiada persepsi unsur-unsur rasuah, korupsi dan/atau percanggahan kepentingan. Ini termasuklah pemeriksaan untuk memastikan individu-individu yang terpilih mempunyai kelayakan sewajarnya seperti yang diakui, pengalaman kerja yang perlu untuk jawatan mereka, dan tiada rekod jenayah atau bankrupsi. Ini juga dapat memastikan bahawa tiada maklumat tersorok yang akan menghalang pengambilan individu tersebut untuk bekerja.

Seharusnya tiada pemintasan garis panduan, peraturan mahupun prosedur dalam proses pemilihan pekerja.

Semua maklumat berhubung dengan percanggahan kepentingan sepatutnya diperolehi pada peringkat pengambilan pekerja.

3.6 Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram ialah suatu proses menukarkan perolehan yang dijana daripada kegiatan haram bertujuan untuk memberi suatu penampilan yang sah di sisi undang-undang. Pembiayaan keganasan ialah tindakan membiayai pengganas atau organisasi-organisasi keganasan menggunakan dana dari sumber yang sah atau tidak sah untuk aktiviti-aktiviti keganasan mereka, atau memberikan sebarang faedah kepada apa-apa organisasi pengganas.

Duopharma Biotech mesti mematuhi setiap tuntutan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, (AMLATFPUAA 2001) di bawah penguatkuasaan Bank Negara Malaysia. Duopharma Biotech mengakui pentingnya pencegahan pengubahan wang haram, dan oleh itu akan mematuhi undang-undang tempatan dan luar negara yang berkaitan, dan menetapkan prosedur sewajarnya

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada Polisi Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan.

3.7 Surat Sokongan Pengurusan

Duopharma Biotech mempunyai polisi untuk tidak memberikan apa-apa surat sokongan/cadangan kepada perniagaan atau individu luar untuk mendapatkan apa-apa manfaat kewangan sama ada daripada Kerajaan, Pembekal-pembekal atau mana-mana pihak berkepentingan Duopharma Biotech.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Latihan

Pengarah, Pegawai dan Kakitangan harus membiasakan diri mereka dengan Polisi ini dan mengambil bahagian di dalam sesi-sesi latihan pencegahan rasuah yang akan dikendalikan secara berkala.

4.2 Dokumen

Dokumen-dokumen termasuklah akaun, invois, surat-menyurat, kertas-kertas, cakera padat, pita, memoranda dan apa-apa dokumen lain atau apa-apa jenis pun maklumat yang bertulis.

Garis panduan

- Syarikat mesti menyediakan dan menyimpan buku-buku dan rekod-rekod yang mencatat sumber hasil dan penggunaan aset Syarikat secara tepat dan terperinci.
- Akaun 'Off-the-books' dan entri yang palsu atau mengelirukan di dalam buku-buku dan rekod-rekod Syarikat adalah dilarang dengan keras. Setiap urusan kewangan mesti direkodkan, disemak dan dipastikan ada di dalam buku-buku dan rekod-rekod entiti yang berkenaan.
- Setiap kawalan kewangan dan prosedur kelulusan hendaklah dipatuhi.
- Penyimpanan dan pengarkiban rekod-rekod Syarikat mestilah selaras dengan piawaian Syarikat, peraturan pencukaian dan lain-lain undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai.
- Apa-apa dokumen tidak boleh diselindung, dipinda, dimusnahkan atau diubah.

Kegagalan untuk menyimpan buku-buku dan rekod-rekod kewangan yang memadai melanggar undang-undang pelbagai negara, termasuk Akta Amalan Rasuah Negara Asing Amerika Syarikat (*U.S Foreign Corrupt Practices Act* Amerika Syarikat), walaupun tiada berlakunya rasuah. Setiap pengarah, pegawai dan kakitangan Duopharma Biotech mesti mematuhi Kawalan Dalaman, Pelaporan Kewangan, Penyimpanan Dokumen dan Prinsip Audit Duopharma Biotech, bagi menunjukkan kepematuhan Duopharma Biotech terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan pencegahan rasuah.

4.3 Pelanggaran Polisi Ini

Kegagalan untuk mematuhi undang-undang anti-rasuah dan hadiah boleh membawa kepada penalti jenayah dan sivil terhadap Duopharma Biotech dan juga pengarah, pegawai dan/atau kakitangan Duopharma Biotech secara berseorangan, gangguan perniagaan yang ketara, dan kerosakan nama baik Duopharma Biotech.

Pelanggaran-pelanggaran Polisi ini tidak akan dibiarkan dan boleh membawa kepada tindakan disiplin dan lain-lain tindakan termasuk pembuangan kerja.

-TAMAT-